

Tindakan Ezam akan buat rakyat tolak Keadilan

UM-88MARI/00404

KUANTAN 7 Mac — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, tindakan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohd. Nor melancarkan serangan peribadi terhadap beliau akan membuatkan rakyat menolak parti itu.

Menurut Najib, beliau yakin pengundi di Pekan akan menolak Ezam dan partinya yang menggunakan taktik serangan peribadi untuk mencapai tujuan pohtik.

“Masyarakat sekarang ini pun sudah lebih terdidik dan mereka tahu bagaimana nak buat penilaian. Saya yakin, taktik serangan peribadi ini tidak akan menguntungkan,” katanya ketika diminta mengulas mengenai serangan peribadi yang dilancarkan Ezam terhadap beliau pada siri ceramah yang diadakan Keadilan di Pekan malam tadi.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran Jentera Pilihan Raya Parlimen Pekan, dekat sini hari ini.

Menurut Najib, pengundi di Pekan malah di tempat lain sudah tidak boleh menerima cara berkempen yang mengaibkan orang dan melemparkan tuduhan tanpa bukti.

Berhasrat

Mengenai kenyataan Ezam yang berhasrat menentanginya kerana merupakan bayangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Najib berkata: “Saya adalah pemimpin dan saya ada pendirian saya sendiri. Jadi, tidak boleh dikaitkan dengan sesiapa. Rekod perjuangan saya boleh dinilai oleh sesiapa pun.”

Mengenai kenyataan Ezam yang menyifatkan bekas pemimpin Ke-

dilan yang menyertai semula UM-NO sebagai ‘pelacur politik murahan’, Najib berkata, Ezam tidak sepatutnya mengeluarkan kata-kata kesat itu.

“Sehingga hari ini Ezam tidak menjawab tuduhan Lokman Noor Adam, bekas setiausaha Keadilan,” katanya.

Lokman baru-baru ini mencabar Ezam bersumpah menjunjung al-Quran bagi menafikan penglibatannya dalam penyelewengan dana berjumlah berjuta-juta ringgit.

Menurut Najib, mereka yang bertindak keluar dari Keadilan tahu apa sebenarnya yang berlaku dalam parti itu.

“Mereka kecewa dengan Keadilan. Dari segi layanan dalam Keadilan, mereka tidak dapat keadilan dan itu yang menyebabkan mereka keluar dari parti,” katanya.